

The Hazard of Sihir (Witchcraft) and How Religion Treats It Using the Revelations Approach

Bahaya Sihir dan Bagaimana Agama Menanganinya Melalui Pendekatan Wahyu

Muhammad Masruri^{1*}, Abdul Karim², Shah Rul Anuar Nordin¹

¹Department of Islamic Studies, Centre General Studies and Co-Curricular,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 86400 Parit Raja Batu Pahat Johor, MALAYSIA

²Fakultas Ushuluddin,
Institut Agama Islam Negeri Kudus, Kudus, Jawa Tengah, INDONESIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2022.03.02.003>

Received 13 November 2022; Accepted 13 December 2022; Available online 31 December 2022

Abstract: Witchcraft is a religiously prohibited activity since it incorporates shirk aspects such as bonding rituals, incantation, and words spoken or written to have an influence on the physical or spiritual person being bewitched without touching them. Witchcraft disorders are an illness that is still an issue for society today since it is hard to diagnose and treat with current medical techniques. This paper aims to explain the method of treating witchcraft disorders according to the perspective of divine revelation. Content analysis of Qur'anic explanations, hadiths, interpretations, and scholarly views in this field is a basic methodology of writing. Witchcraft is a practise that tries to harm the bewitched person physically, emotionally, and spiritually. It also causes domestic problems, emotional disturbances, hatred, and other problems. Islam is a religion that places a high value on the wellbeing of its followers. The Qur'an and al-Sunnah, as religious sources with the concept of divine revelation, have provided guidance in dealing with the interference of witchcraft. Among the methods of treatment of magic disorders are: (1) making protection and taking care before the occurrence of witchcraft; and (2) treating witchcraft disorders that have hit a person, which includes three stages: the stage before treatment, the stage during treatment, and the stage after treatment.

Keywords: Witchcraft, disorders, treatment, al-Qur'an, al-Sunnah

*Corresponding author: masruri@uthm.edu.my

2022 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/jqsr

Abstrak: Sihir merupakan amalan yang ditegah oleh agama kerana mengandungi unsur syirik, melibatkan ritual ikatan, jampi dan perkataan yang diucapkan atau ditulis bagi mendatangkan kesan kepada fizikal atau spiritual orang yang disihir tanpa menyentuhnya secara langsung. Penyakit kerana gangguan sihir sebagai penyakit yang menjadi masalah masyarakat hingga hari ini kerana ia sukar dikesan dan diubati melalui kaedah perubatan moden. Tulisan ini bertujuan bagi menjelaskan kaedah merawat gangguan sihir menurut perspektif wahyu ilahi. Analisis kandungan mengenai penjelasan al-Qur'an, hadis, tafsiran serta pandangan sarjana dalam bidang ini merupakan metodologi asas penulisan. Amalan sihir bertujuan bagi menimbulkan kesakitan fizik dan rohani, gangguan rumah tangga, gangguan emosi, menimbulkan permusuhan dan sebagainya. kepada yang disihir. Islam merupakan agama yang sangat mengambil berat bagi kesihatan umatnya. al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber agama berkONSEPWAH YILAH TELAH MEMBERI PANDUAN MENANGANI GANGGUAN SIHIR. Antara kaedah rawatan gangguan sihir ialah: (1) membuat perlindungan dan penjagaan sebelum terjadinya sihir, dan (2) merawat gangguan sihir yang telah mengenai seseorang, ianya meliputi tiga tahap: tahap sebelum rawatan, tahap ketika rawatan, dan tahap selepas rawatan.

Kata Kunci: Sihir, gangguan, rawatan, al-Qur'an, al-Sunnah

1. Pengenalan

Manusia merupakan makhluk sosial yang hidup dalam komuniti yang beragam dan dalam kehidupan sosial sudah sewajarnya akan timbul pelbagai masalah. Antara masalah besar yang terjadi pada hari ini adalah penyakit yang disebabkan oleh gangguan sihir. Iblis dan syaitan sentiasa berusaha menyesatkan umat manusia dan mengajak mereka melakukan kejahanatan. Di antara jalan mudah untuk menyesatkan manusia ialah amalan sihir. Amalan ini melibatkan hubungan manusia dengan jin dan syaitan (Amran Kasimin 2009). Amalan sihir sebelum Islam digunakan sebagai kaedah mendapat pertolongan dan perlindungan kepada tuhan (dewa) melalui kuasa alam semula jadi. Dalam rtual tersebut terkadang adanya campur tangan kuasa jahat daripada syaitan dan jin (Smith 2004). Sihir dianggap sebagai bencana dan dugaan yang sangat besar serta amat merbahaya kepada umat manusia kerana boleh membawa kepada kufur dan syirik (al-Awdi 2004). Majoriti umat Islam telah bersepakat bahawa amalan sihir merupakan suatu hal yang nyata ada di masyarakat kerana disebutkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah (Philips 2007).

Sihir mempunyai maksud mengalihkan sesuatu daripada hakikat atau kenyataan yang sebenar kepada selainnya (Ibn Manzur t.th) atau menampakkan kebatilan dalam wujud kebenaran dan menggambarkan sesuatu tidak seperti hakikat yang sebenar (Ibn al-Athir 1412). Sihir boleh ditakrifkan sebagai kejadian luar biasa dengan perantara menggunakan mantera-mantera dan upacara kepada makhluk ghaib, kepercayaan seseorang boleh melakukan tindakan luar biasa menggunakan kuasa alam semula jadi melalui upacara, ritual dan kaedah tertentu (Ameerah Bilal Philips 2007). Ibn Qudamah (1984) mengatakan bahawa sihir adalah ikatan-ikatan, jampi-jampi, perkataan mantera yang diucapkan secara lisan mahupun tulisan bagi tujuan mempengaruhi atau memudaratkan badan, emosi, fikiran atau akal orang yang terkena sihir tanpa berhubungan secara langsung. Kesan mudarat sihir ada yang boleh membawa kepada kematian, sakit dalam badan, suami tidak boleh mencampuri isterinya, memisahkan pasangan suami isteri, membuat salah satu pihak membenci yang lain. Sihir boleh dilakukan dengan cara belajar, mendekat diri kepada syaitan dan perbuatan yang tidak baik serta dilarang syariat (al-Alusi t.th). Menurut Wahid Abd al-Salam Bali (1998) sihir merupakan kesepakatan antara ahli sihir dan syaitan dengan perjanjian bahawa ahli sihir akan melakukan pelbagai bentuk perkara yang haram atau syirik bagi mendapatkan pertolongan daripada syaitan serta ketaatan syaitan bagi melaksanakan tujuan apa sahaja yang di minta ahli sihir. Amalan sihir boleh dilakukan dengan menggunakan bantuan perbintangan (nujum) atau nombor-nombor dengan mendekatkan diri kepada syaitan untuk berbuat jahat atau memberi kesusahan kepada orang lain (al-Mubayyad 2009). Ia juga boleh dilakukan dengan penggunaan azimat dan jampi mantera dengan tujuan memberi kesan negatif kepada jiwa dan emosi seseorang. Dalam abad pertengahan para tokoh Kristian mentakrifkan sihir sebagai kekuatan syaitan manakala agama sebagai kekuatan tuhan. Oleh itu, sihir dianggap sebagai amalan yang menyimpang daripada ajaran agama (Bailey 2006).

Namun hingga saat ini penyakit yang ditimbulkan oleh gangguan sihir sangat sulit dikesan dan diubati dengan kaedah moden. Walaupun demikian, dalam kaedah perubatan komplementari, pesakit yang terkena gangguan sihir sangat digalakkan untuk berjumpa dengan doktor pakar moden terlebih dahulu sebelum mendapatkan rawatan perubatan Islam. Artikel ini bertujuan bagi mendapatkan makluman mengenai kaedah Rasulullah dalam menangani penyakit yang ditimbulkan oleh kejahanatan sihir dengan kajian analisis kandungan.

2. Sihir dalam al-Qur'an dan al-Sunnah

Perkataan sihir dalam al-Qur'an dan al-Sunnah digunakan dengan mengandungi pelbagai makna yang berbeza (al-Fifi t.th).

- a. Sihir diaksudkan sebagai ilmu sihir yang sebenar iaitu yang dilakukan dengan bantuan syaitan (al-Bali 2012). Sihir merupakan amalan syaitan dan Allah SWT tidak menurunkan sihir kepada malaikat Jibril dan Mikail

(Ibn Kathir 1999). Sepertimana dijelaskan dalam firman Allah SWT surah al-Baqarah ayat 102: *Kerana mereka lah yang mengajarkan manusia ilmu sihir* (al-Baqarah 102)

- b. Sihir memberi maksud ilmu pengetahuan atau bijak pandai (al-Tabari 2001), sepertimana dijelaskan dalam al-Qur'an surah al-Zukhruf ayat 49: *Dan (apabila bala bencana itu menimpak mereka), mereka merayu kepada Nabi Musa dengan berkata: "Wahai orang yang bijak pandai, pohonkanlah kepada Tuhanmu keselamatan untuk kami dengan (kemuliaan) pangkat Nabi yang diberikan kepadamu.*
- c. Sihir dengan maksud penipuan, iaitu seseorang yang melakukan penipuan yang sangat besar diibaratkan sebagai sihir (al-Tabari 2001), firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 116: *Mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya).*
- d. Manjadi gila. Seseorang akan dianggap menjadi gila kerana telah hilang kawalan, akal bercelaru, tidak mampu melakukan sesuatu perbuatan atau perkataan (al-Razi 1998). Sepertimana dalam firman Allah SWT surah al-Isra ayat 47: *Kamu tidak menurut melainkan seorang yang kena sihir.*
- e. Sihir bermaksud berpaling dan ditipu dengan keadaan yang tidak sebenar, sepertimana dijelaskan dalam firman Allah SWT surah al-Mu'minun ayat 89: *Mereka akan menjawab: (Segala-galanya) dikuasai Allah. katakanlah: Jika demikian, Bagaimana kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?.* Mereka ditipu, dikhayalkan perkara yang dusta dan tipu seperti perkara yang benar dan hak, perkara yang salah menjadi betul (al-Tabari 2001; al-Razi 1998).
- f. Sihir sebagai hal membayangkan atau menghayalkan sesuatu yang tidak dilakukan, dijelaskan dalam hadis: *Rasulullah SAW pernah di sihir oleh seorang Yahudi dari Bani Zurayq yang bernama Labid bin al-A'sam sehingga Rasulullah SAW merasakan seolah-olah melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh Baginda SAW.*
- g. Sihir diibaratkan sebagai penjelasan, sepertimana dalam hadis Nabi SAW: "*Sesungguhnya sebahagian daripada penjelasan adalah seperti sihir*" (Al-Bukhari. 2000. no. hadis 5146).

Nabi memberi pengertian indahnya kenyataan bagaiakan sihir, kerana seseorang yang boleh mempengaruhi pendengar dengan penjelasannya. Indahnya penyampaian dan perkataan diibaratkan seperti sihir yang boleh mempengaruhi hati manusia (al-Sabuni 1980). Kenyataan indah boleh mengalihkan hati para pendengar untuk membetulkan setiap perkataan pembicara (al-Mubayyad 2007).

2.1 Sihir Menurut Prespektif al-Qur'an

Sihir sebagai amalan yang wujud dan nyata sudah diamalkan oleh kaum terdahulu. Sikap dan perasaan marah, iri, dendki, hasad, tidak puas hati serta dendam yang keterlaluan kepada orang lain mendorong seseorang melakukan amalan sihir (Masruri 2019). Hal ini mewujudkan situasi ketegangan, pergaduhan dan permusuhan berlaku dalam masyarakat. Al-Qur'an menghuraikan penjelasan mengenai sihir dan kaitannya dengan malaikat Harut dan Marut pada zaman nabi Sulaiman, penjelasan kejadian sihir antara nabi Musa dengan para ahli sihir raja Firaun, serta sihir yang yang berlaku pada zaman Baginda SAW.

Sihir merupakan amalan yang berasal daripada syaitan. Namun syaitan membuat fitnah bahawa sihir berasal daripada ajaran Nabi Sulaiman. Sihir yang diajarkan malaikat Harut dan Marut merupakan sihir yang tidak mengandungi unsur syirik namun merbahaya. oleh itu malaikat Harut dan Marut telah mengingatkan bahaya sihir, dan ianya sebagai dugaan kepada manusia. Sihir yang berasal daripada syaitan merupakan sihir yang mengandungi unsur syirik. Firman Allah SWT surah al-Baqarah ayat 102:

Mereka (membelakangkan Kitab Allah) dan mengikut ajaran-ajaran sihir yang dibacakan oleh puak-puak Syaitan dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman, padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufturan itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya); kerana mereka lah yang mengajarkan manusia ilmu sihir dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat: Harut dan Marut, di negeri Babil (Babylon), sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya). Dalam pada itu ada juga orang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya, padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Dan demi sesungguhnya mereka (kaum Yahudi itu) telahpun mengetahui bahawa sesiapa yang memilih ilmu sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat. Demi sesungguhnya amat buruknya apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.

Menurut al-Sabuni (1988) sihir adalah suatu yang nyata dan sudah ada sejak zaman Nabi Sulaiman AS. Ilmu sihir ada dua iaitu sihir yang diajarkan oleh malaikat Harut dan Marut serta sihir yang diajarkan oleh syaitan (al-Tabari 2001). Allah SWT tidak menurunkan sihir kepada Nabi Sulaiman AS melalui perantara dua malaikat Jibril dan Mikail,

tetapi sihir itu berasal daripada perbuatan syaitan yang direka hasil perbuatan Nabi Sulaiman AS (Ibn Kathir 1999). Kesan sihir boleh membangkitkan rasa amarah dan permusuhan yang membawa kepada rosaknya hubungan suami dan isteri. Ilmu sihir diturunkan malaikat Harut dan Marut kepada manusia bukan tujuan supaya manusia belajar ilmu sihir tetapi sebagai ujian dan dugaan. Amalan sihir yang diajarkan syaitan mengandungi suatu permintaan menggunakan pertolongan roh-roh jahat daripada golongan jin atau syaitan (al-Sabuni 1980).

Sihir telah diamalkan oleh para ahli sihir pada zaman nabi Musa dengan meminta bantuan daripada jin jahat dan syaitan yang mendengarkan berita daripada langit. Para tukang sihir menjadi rujukan orang ramai masa itu, sehingga datang syariat Allah melalui nabi Musa memberikan penjelasan bahawa amalan sihir adalah amalan yang tidak betul dan bercanggah syariat Allah. Sepertimana dijelaskan dalam firman Allah Surah Yunus ayat 77: (*Mendengarkan yang demikian*), *Nabi Musa bertanya: Patutkah kamu berkata demikian terhadap sesuatu kebenaran ketika datangnya kepada kamu? Adakah bawaanku ini sihir? Sedang ahli-ahli sihir itu sudah tetap tidak akan berjaya.* Demikian juga dijelaskan dalam surah Yunus ayat 77, 79, 80 dan 81 bahawa raja Firaun memerintahkan para ahli sihir untuk melawan Nabi Musa dengan kekuatan sihir.

Hal ini bagi memberitahu kepada orang ramai bahawa Nabi Musa juga mengamalkan sihir. Tetapi Allah telah membatalkan persangkaan mereka dan memberikan hujjah yang benar bahawa apa yang nabi Musa lakukan bukanlah sihir tetapi mukjizat. Hal ini dibuktikan dengan kemenangan Nabi Musa mengalahkan mereka (al-Razi 1981). Para ahli sihir yang telah mencampakkan benda-benda sihir kepada Nabi Musa tersentak kejut kerana mendapati bahawa perbuatan sihir mereka berasal daripada ilmu sihir yang amat tinggi. Bahkan ianya dilakukan oleh para ahli sihir dalam jumlah amat ramai tetapi semua itu boleh dikalahkan oleh Nabi Musa. Selepas melihat apa yang telah dilakukan oleh Nabi Musa, maka para ahli sihir sedar dan yakin bahawa apa yang telah dilakukan oleh Nabi Musa bagi mengalahkan sihir-sihir mereka bukanlah daripada ilmu sihir tetapi merupakan mukjizat Allah yang diberikan kepada Nabi Musa. Kemudian para ahli sihir tersebut tunduk dan bersujud kepada Tuhan yang mengutus Nabi Musa. Firman Allah SWT surah Taha ayat 69-73:

Dan campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka lakukan, kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya ahli sihir; sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kejayaan, di mana sahaja ia berada". (Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), maka keadaan yang demikian menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan yang mengutus Nabi Harun dan Nabi Musa". Firaun berkata: "Patutkah kamu beriman kepada Musa sebelum aku memberi izin kepada kamu? Sesungguhnya dia lah ketua kamu yang mengajar sihir kepada kamu. Oleh itu, demi sesungguhnya, aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, dan aku akan memalang kamu pada batang-batang pohon tamar; dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui kelak siapakah di antara kita yang lebih keras azab seksanya dan lebih kekal". Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami, supaya diampunkannya kesalahan-kesalahan kami, dan dosa-dosa sihir yang engkau paksaikan kami melakukannya. Dan Allah jualah yang lebih baik dan lebih kekal balasan pahalaNya.

Raja Firaun sangat yakin akan kemenangannya dengan mengumpulkan para tukang sihir terkuat yang ada pada masa itu. Orang ramai diminta hadir untuk menyaksikan pertandingan sihir terdahsyat. Namun Allah SWT berkehendak memberi kelebihan Nabi Musa untuk mengalahkan para tukang sihir. Mereka menyedari bahawa apa yang dilakukan nabi Musa bukanlah daripada sihir tetapi daripada Allah SWT dan mereka tunduk kepada agama nabi Musa (al-Tabari 2001; al-Razi 1981). Para ahli sihir mengakui kekalahan mereka dengan mukjizat nabi Musa. Mereka yakin bahawa tidak ada yang mampu mengalahkan sihir mereka malainkan mukjizat yang berasal daripada Allah SWT (al-Tabari 2001). Sepertimana dijelaskan dalam firman Allah surah al-A'raf ayat 113: *Dan beberapa ahli sihir itu datang kepada Fir'aun mengatakan: (Apakah) Sesungguhnya kami akan mendapat upah, jika kamilah yang menang? Dan dalam surah al-A'raf ayat 120: Dan (Kemenangan Nabi Musa menjadikan) Ahli-ahli sihir itu dengan sendirinya merebahkan diri mereka sujud.*

Kaum Quraish mendakwa bahawa amalan mencarik adat yang dilakukan oleh nabi SAW merupakan amalan yang dilakukan oleh para tukang sihir. Allah SWT telah membatalkan dakwaan mereka dengan menjelaskan bahawa amalan Nabi SAW merupakan suatu yang nyata dan bersumber daripada al-Qur'an (al-Razi 1981). Firman Allah SWT surah al-Anbiya ayat 3: *Dengan keadaan hati mereka leka daripada memahami dan mengamalkan maksudnya. Dan orang yang zalm itu, berbisik-bisik sesama sendiri dengan berkata: "Bukankah (Muhammad) ini hanyalah seorang manusia biasa seperti kamu? Maka patutkah kamu turut hadir mendengar sihir yang dibawanya itu sedang kamu nampak dan mengetahui karutnya?"*

Sihir merupakan amalan yang dilakukan dengan pelbagai kaedah. Antara kaedah sihir adalah amalan yang dilakukan dengan pembacaan mantera sihir yang dihembuskan pada simpulan-simpulan benang atau tali. Ianya juga dilakukan dengan mendapat bantuan daripada jin jahat dan syaitan (Al-Qurtubi 2006, al-Tabari 2001). sepertimana dijelaskan dalam surah al-Falaq ayat 3: *Dan dari kejahatan makhluk-makhluk Yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan).*

2.2 Sihir Menurut Perspektif al-Sunnah

Sihir merupakan amalan merbahaya yang boleh berlaku kepada setiap orang melainkan mereka yang mendapat perlindungan daripada Allah SWT. Sihir merupakan antara perbuatan dosa besar yang amat ditegah bahkan mendekati kepada amalan kufur dan syirik.

Kaum Yahudi telah bersepakat menyuruh seorang penyihir Yahudi bernama Labid bin al-Asam untuk menyihir Nabi SAW. Tujuan utama mereka melakukan amalan sihir adalah untuk membunuh Baginda SAW (Bali 1998), tetapi Allah SWT telah memberikan perlindungan kepada Baginda SAW sehingga kesan sihir tidak menjelaskan wahyu dan badan Baginda SAW sendiri. Kesan sihir hanya memberi kesan sedikit kepada Baginda SAW iaitu hanya terkena sihir menghalang melakukan suatu perbuatan dan sihir takhyil (khayalan) seperti melakukan suatu perbuatan tetapi tidak melakukannya (al-Asqalani 2001, al-Ayni 2001). Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam Sahihnya menerusi Aishah RA berkata: *Rasulullah SAW pernah terkena sihir oleh seorang lelaki daripada Bani Zurayq yang bernama Labid bin al-Asam sehingga Baginda SAW sentiasa berasa menghayalkan melakukan sesuatu perkara padahal Baginda SAW tidak melakukannya* (al-Bukhari 1987, no. hadis 5432, Muslim 1998, no. hadis 2189).

Amalan sihir dikira sebagai dosa besar yang amat merosakkan. Ianya merupakan amalan yang mendekatkan seseorang kepada perbuatan syirik kepada Allah SWT. Ahli sihir mendekatkan diri kepada jin jahat dan syaitan dengan melakukan persembahan melalui penyembelihan binatang, memuji kepada jin dan syaitan kemudian meminta perlindungan dan pertolongan kepada mereka (al-Asqalani 2001; al-Fifi t.th). Hal ini sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam sahihnya, Nabi SAW bersabda: *"Hindarilah tujuh dosa yang membina-sakan, Para sahabat bertanya: Apakah itu wahai Rasulallah? Baginda bersabda: "Menyekutukan Allah, amalan sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan cara yang hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari daripada medan peperangan, serta menuduh wanita suci dan beriman berzina tanpa disedarinya".* (al-Bukhari 1987, no. Hadis 2766, Muslim 2006, no. Hadis 145. Abu Dawud 1417, no. hadis 2874).

Ilmu sihir merupakan ilmu yang ditegah dan diharamkan oleh syarak. Oleh itu, semakin bertambah seseorang melakukan dosa besar dan bertambah ilmu nujum yang dipelajari, semakin bertambah ilmu sihirnya (al-Shawkani 2006). Sepertimana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan Ibn Majah dalam sunannya menerusi Ibn Abbas, Rasulullah SAW bersabda: *Sesiapa belajar ilmu nujum (perbintangan) maka ia telah belajar salah satu cabang daripada ilmu sihir, semakin bertambah (mempelajari ilmu nujum) semakin bertambah (dosanya).* (Ibn Majah 1998, hadis no. 3726. hadis ini adalah hasan). Seorang yang mengamalkan sihir telah mendapat ancaman daripada Baginda SAW dengan tidak masuk syurga: *Tidak akan masuk surga oarng yang minum arak, orang yang percaya kepada sihir dan orang yang memutus silaturahim.* (Ibn Hibban 1993, no hadis 6137. hadis ini hasan).

3. Amalan Sihir dalam Timbangan Syariat

Sihir merupakan ilmu yang tersembunyi dan menerusi tumpuan amalan kebatinan secara berasosiasi dengan makhluk halus (Amran Kasimin 1995). Ilmu sihir bertujuan bagi mendapatkan kekuatan kebatinan yang membolehkan pengamalnya melakukan suatu perkara yang luar biasa, mencarik adat dan bagi mendapatkan apa sahaja kemahuan orang yang melakukan sihir (Haron Din 2014). Para ulama telah bersepakat bahawa hukum mengenai amalan sihir, belajar atau mengajar sihir adalah haram disisi syariat kerana ianya mendatangkan mudarat dan tidak ada manfaat serta dikira sebagai dosa besar (Imam Nawawi 2001, Musa Syahin Lasin 2002). Sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah SWT surah al-Baqarah ayat 102: *Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara Yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka* (al-Baqarah 102).

Ayat ini memberi pengertian bahawa amalan sihir yang dilakukan oleh seseorang adalah musibah besar yang memberi mudarat kepada fizikal, spiritual dan juga agama di dunia dan akhirat. Tidak ada manfaat yang didapat daripada amalan sihir (al-Tabari 2001; Ibn Kathir 2000) dan sesiapa mempelajarinya boleh menjadi kufur (Ibn Hajar 2001) serta melakukan amalan syirik kepada Allah SWT (Omar Sulayman 2002).

Amalan sihir mengandungi pelbagai perbuatan yang mengandungi unsur sesat dan syirik. Antara perbuatan sesat yang dilakukan pengamal sihir adalah:

- a. Melakukan pekerjaan kafir dan syirik kepada Allah SWT.
- b. Menghina dan merendahkan Allah SWT, para malaikat, rasul dan kitab-kitab Allah SWT (al-Fifi t.th).
- c. Kebanyakan ahli sihir melakukan ritual penyembahan kepada jin dan syaitan serta bintang-bintang.
- d. Menyembelih haiwan untuk persembahan kepada jin atau syaitan
- e. Menghina dan merendahkan Kalam Allah, dengan merubah atau mencampur mantra atau perkataan tidak difahami dengan ayat al-Qur'an dengan tujuan menghadirkan jin atau syaitan.
- f. Meletakkan kotoran atau benda najis ke atas al-Qur'an atau mushaf atau pada tulisan ayat-ayat al-Qur'an. (Khalil bin Ibrahim 1994)
- g. Melakukan perjanjian dengan jin atau syaitan.

4. Rawatan Gangguan Sihir

Gangguan penyakit yang disebabkan oleh sihir adalah amat merbahaya kerana boleh membawa kepada putusnya hubungan suami isteri, hubungan keluarga, menyebabkan penyakit, kecederaan bahkan membawa kepada kematian. Oleh itu ianya perlu ditangani dengan kadar segera. Rasulullah SAW telah memberi tunjuk ajar mengenai kaedah merawat gangguan sihir. Para ulama dan pakar rawatan Islam juga telah menetapkan kaedah perlindungan dan rawatan gangguan sihir melalui konsep wahyu. (Bali 1998, Husayn Bahmah 1999). Rawatan gangguan sihir berlandaskan kepada hadis Nabi SAW:

Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam Baginda berdoa dan terus berdoa. Baginda bersabda: "Wahai Aishah, adakah kamu tahu bahawa Allah telah memberitahu aku tentang sesuatu yang boleh menyembuhkan derita yang aku alami ini? Dua lelaki datang kepadaku. Seorang daripada mereka duduk di sisi kepalaku dan seorang lagi duduk sebelah kakiku. Seorang daripada mereka berkata kepada rakannya: Penyakit apakah yang diderita oleh lelaki ini? Jawabnya: Dia terkena sihir. Dia bertanya lagi: Siapakah yang menyihirnya? Jawabnya: Labid bin al-A'sam. Dia bertanya lagi: Dengan apa dia menyihirnya? Jawabnya: Dengan menggunakan sikat, rambut yang tercabut dan lapisan kulit batang pokok kurma yang kering. Dia bertanya lagi: Di manakah dia meletakkan barang sihir itu? Jawabnya: Di dalam telaga Dharwan. Kemudian Rasulullah SAW mendatangi telaga tersebut bersama dengan sekumpulan sahabat. Baginda SAW bersabda: kepada Aishah: "Wahai Aishah, air di dalam telaga itu seperti warna inai (berwarna kuning kemerah-merahan) dan pokok kurma (yang digunakan untuk sihir) itu seperti kepala syaitan". Aku (Aishah) bertanya: Wahai Rasulullah, adakah tuan mengeluarkannya? Rasulullah SAW menjawab: "Sesungguhnya Allah SWT telah menyembuhkanku dan aku bimbang jika ia menimbulkan bahaya kepada orang ramai", kemudian Rasulullah SAW memerintahkan agar ia ditimbuk (al-Bukhari 1987).

Daripada penjelasan hadis para ulama dan pakar berijtihad bahawa rawatan sihir dilakukan melalui tiga tahap, iaitu tahap sebelum rawatan, tahap ketika proses rawatan dan tahap selepas rawatan (Masruri 2019). Sebelum memulakan rawatan, pesakit yang terkena gangguan sihir perlu untuk menguatkan akidah dan keimanan dengan menyerahkan segalanya kepada Allah SWT, membuang benda-benda yang mengandungi unsur syirik serta sentiasa berdoa dan mohon perlindungan kepada Allah SWT seperti mana disebut dalam hadis bahawa Baginda SAW terus-menerus berdoa dan berusaha mendapatkan kesembuhan: *Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam Baginda berdoa dan terus berdoa.* Pesakit juga perlu menyedari apa yang sedang berlaku pada dirinya dan bersabar atas segala ketentuan Allah SWT. Bagi perawat yang mengubati pesakit gangguan sihir, dia perlu mendapatkan makluman mengenai sihir yang berlaku kepada pesakit sepertimana dijelaskan dalam hadis: *Dua lelaki datang kepadaku. Seorang daripada mereka duduk di sisi kepalaku dan seorang lagi duduk sebelah kakiku. Seorang daripada mereka berkata kepada rakannya: Penyakit apakah yang diderita oleh lelaki ini? Jawabnya: Dia terkena sihir.*

Selepas orang yang terkena sihir mempunyai kekuatan jiwa yang kukuh, keimanan yang kuat maka perkara ini akansangat membantu dalam proses rawatan. Dalam proses rawatan, ada beberapa perkara yang perlu dilakukan, antaranya:

- a. Mencari dan mengenalpasti bahan sihir disembunyikan oleh tukang sihir. Menurut Ibn al-Qayyim, dalam rawatan sihir ini Nabi SAW menggunakan dua kaedah iaitu mengeluarkan dan membatalkan bahan sihir. Perawat dan pesakit digalakkan untuk terus berusaha mengetahui letak bahan sihir disimpan oleh tukang sihir (Rashid Layzul 2001) sepertimana disebutkan dalam hadis: *Dia bertanya lagi: Dengan apa dia menyihirnya? Jawabnya: Dengan menggunakan sikat, rambut yang tercabut dan lapisan kulit batang pokok kurma yang kering. Dia bertanya lagi: Di manakah dia meletakkan barang sihir itu? Jawabnya: Di dalam telaga Dharwan..* Bahan-bahan sihir biasanya diletak di tempat-tempat najis ataupun tempat kotor (al-Fifi t.th).
- b. Selepas dijumpai, barang sihir tersebut perlu dikeluarkan daripada tempatnya bagi menghilangkan kesan sihir: *Kemudian Rasulullah SAW mendatangi telaga tersebut bersama dengan sekumpulan sahabat.* Kesan sihir boleh dibatalkan mencerahkan air yang telah dibacakan ayat-ayat al-Qur'an pembatal sihir ke atas bahan tersebut. (Rashid Layzul 2001). Menurut Bali (1992) air tersebut dibacakan ayat pembatal sihir iaitu surah al-A'raf ayat 117-122, Surah Yunus ayat 81-82, Surah Taha ayat 69.
- c. Selepas bahan sihir dikeluarkan dan dibatalkan, langkah berikut adalah menanam bahan sihir di tempat yang tidak dilalui oleh orang ramai (Husayin Bahmah 1999, Masruri 2019) dan mengelakkan daripada membakarnya (Bali 1998) sepertimana dijelaskan dalam hadis: *kemudian Rasulullah SAW memerintahkan agar ia ditimbuk*.
- d. Pesakit yang terkena sihir juga perlu dirawat agar kesan sihir yang ada dalam badan betul-betul hilang dengan bacaan Ruqyah. Berkemaan rawatan ruqyah, hal ini pernah dilakukan oleh malaikat Jibril merawat Nabi SAW kerana gangguan sihir tersebut sepertimana dijelaskan dalam hadis: *Jibril AS datang kepadा Nabi SAW dan berkata: "Wahai Muhammad, adakah kamu sakit?" Nabi SAW menjawab: "Ya". (kemudian Jibril meruqyah Nabi SAW): "Dengan nama Allah, aku meruqyahmu dari segala sesuatu yang menyakitimu dan daripada kejahatan setiap manusia atau pandangan mata yang hasd. Allah yang menyembuhkanmu dan dengan nama*

Allah aku menjampimu. Menurut penjelasan Bali (1998) dan Muhammad Mahmud (1995), pesakit gangguan sihir perlu dibacakan ayat-ayat ruqyah berikut; surah al-Fatiyah dan Ta'awwudh, surah al-Baqarah ayat 1-5, surah al-Baqarah ayat 102, surah al-Baqarah ayat 163-164, Ayat al-Kursi (al-Baqarah ayat 255), surah al-Baqarah ayat 285-286, surah Ali Imran ayat 18, surah al-A'raf ayat 54, surah al-A'raf ayat 117-122, surah Yunus ayat 81-82, surah Taha ayat 69, surah al-Mu'minun ayat 115-118, surah al-Saffat ayat 1-10, surah al-Ahqaf ayat 29-32, surah al-Rahman ayat 33-36, surah al-Hasyr ayat 22-24, surah al-Jinn ayat 1-9, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah al-Nas.

Selepas pesakit menerima rawatan, bagi mendapatkan kesembuhan yang lebih baik, pesakit perlu meminum air yang telah dibacakan doa ruqyah daripada al-Qur'an dan hadis Nabi SAW. Kaedah meminum air bagi rawatan penyakit telah dilakukan oleh Nabi Ayub AS ketika beliau menghadapi penyakit yang sangat teruk mengenainya, ianya berdasarkan panduan daripada Allaah SWT, sepertimana dijelaskan dalam surah Saad ayat 41-42: "Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayyub ketika dia berdoa merayu kepada Tuhanaya dengan berkata: "Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpah) kesusahan dan azab seksa (penyakit)". (Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): "Hentakkanlah (bumi) dengan kaki mu" (Setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): "Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)".

Perkara demikian juga disebutkan dalam hadis Nabi SAW yang menjelaskan bahawa Baginda memberikan air bagi menyembuhkan sakit yang diderita seorang anak kecil, Rasulullah SAW bersabda: "Berikan aku air" Maka dibawakan kepada Baginda SAW air, kemudian baginda membasuh tangan dan berkumur, dan diberikan air kepada wanita tersebut. Baginda bersabda: "Berikan anak itu minum daripada air tadi, tuang dan sapukan anak itu dari sebahagian air tadi. Semoga Allah menyembuhkannya (Ibn Majah 1999, no. hadith 3532). Selain meminum air bacaan ruqyah, pesakit juga perlu mengambil berat tentang penjagaan dan kawalan keselamatan diri dengan sentiasa melazimi ibadah fardu dan sunat, melazimi bacaan al-Qur'an dan zikir pagi dan petang (Bali 1998).

5. Kesimpulan

Amalan sihir merupakan perbuatan yang mengandungi unsur syirik dan dilarang oleh syarak. Ia dilakukan dengan melibatkan ikatan, jampi, perkataan dengan perjanjian dan pertolongan jin dan syaitan bagi mendatangkan kesan buruk terhadap orang yang disihir sama ada fizikal atau spiritual. Sihir dilakukan dengan tujuan perselisihan, permusuhan, kecederaan, kesakitan, serta pembunuhan. Terdapat beberapa jenis sihir, bergantung kepada sihir tersebut digunakan oleh ahli sihir seperti sihir pemisah, sihir, penunduk, santau, saka dan lainnya. Terdapat beberapa sihir yang masih diamalkan masyarakat bagi tujuan tertentu seperti sihir pemisah, sihi penunduk dan saka. Walaupun ada beberapa sihir yang dilakukan oleh masyarakat dengan tujuan baik menurutnya seperti sihir penunduk bagi menjadikan keluarga tenteram, sihir penglaris supaya perniagaan laku dan sihir saka supaya pekerjaan ringan atau penjagaan rumah, tetapi ianya adalah amalan syirik yang ditegah oleh syarak (agama) serta mengandungi bahaya yang lebih besar. Permasalahan lain timbul kerana penyakit yang disebabkan sihir adalah penyakit yang tidak nampak dan sangat sukar dikesan demikian juga secara kaedah moden. Sihir juga membawa kesan yang merbahaya kepada fizikal dan spiritual seseorang. Islam sebagai agama rahmat bagi umatnya telah memberikan tunjuk ajar kaedah merawat dan membenteng daripada bahaya kejahatan sihir melalui pendekatan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Rasulullah SAW telah memberikan tunjuk ajar kepada umatnya mengenai beberapa kaedah yang sangat bermanfaat bagi menangani bahaya yang timbul kerana amalan sihir. Baginda menjelaskan kaedah penanganannya secara terperinci dalam hadisnya. Antara kaedah yang ramai dibincangkan dan diamalkan oleh orang ramai adalah penggunaan doa daripada ayat-ayat al-Qur'an dan al-sunnah. Pada masa kini, telah berdiri beberapa pusat rawatan Islam yang mengamalkan khidmat rawatan sihir menggunakan doa-doa yang bersumber daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun sebahagian masyarakat masih kurang mengambil berat mengenai perkara tersebut. Justeru sesetengah pihak menggunakan kesempatan bagi mencari keuntungan semata-mata. Dengan adanya penulisan mengenai bahaya sihir dan kaedah rawatannya menurut perspektif agama ini diharapkan menyelamatkan sebahagian masyarakat daripada melakukan amalan yang menjelaskan kepada akidah, hubungan sosial dan rahmani mereka. Daripada hasil kajian ini, diharapkan seluruh umat manusia untuk menjauhi amalan sihir kerana ianya mempunyai kesan buruk bagi kehidupan individu, keluarga dan masyarakat.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Institut Agama Islam Negeri Kudus dan para editor atas kerjasama yang diberikan dalam menerbitkan artikel ini. Adalah diharapkan kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Rujukan

Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. edisi kelapan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

- Abī Dāwud Sulayman ibn al-Ash'āth. (1997). *Sunan Abī Dāwud. Tahqīq al-Albanī*. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- Abu al-Bara' Osama ibn Yasin al-Ma'ani. (2000). *Fath al-Haqq al-Mubin fī Akkam Raq al-Sha'cī wa al-Sihr wa al-Ain*, Amman: Dar al-Ma'ani.
- Ahmad Izzat Rajih. (1978). *Usul Ilm al-Nafs*. Cairo: Dar al-Katib al-Arabi.
- Aid Abd Allah al-Qarani. (2008). *Alam al-Sihr*. Riyad: Ubaykan.
- al-Albanī. Riyad: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Alusi, Abi al-Fadl Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. t.th, *Ruh al-Ma'ani*. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- al-Ashqar, Umar Sulayman. (2002). *Alam al-sihr wa al-Shu'udhah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- al-Asqalānī, Ibn Hajar. (2000). *Fath al-Bārī Sharh sahih al-Bukhārī. Tahqīq*: Abd Qadir Shaybah al-Hamdi. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ayni, Badr al-Din Abu Muhammad Mahmud ibn Ahmad. (2001). *Umdah al-Qari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Bukhārī, al-Imam al-Hāfiẓ Abi Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl. 1400 H. *al-Jāmi' al-Sahih. Tahqīq*. Muhib al-Dīn al-Khatib. Kaherah: al-Matbaah al-Salafiyyah.
- al-Fifi, Musa ibn Muhammad Jabir. *Ahadith al-Sihr wa al-Ruqyah fī al-Kutub al-Sittah riwayatan wa dirayatan*. Bayrut: al-Jami'ah al-'Alamiyyah al-Amrikiyyah.
- Al-Mubayyad. (2008). *al-Massu al-Shaytani wa Turuq al-Ilaj*. Kaherah: Muassasah al-Muhtar.
- al-Nawawī, al-Imām Yahya ibn Sharaf. (1929). *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawī* Al-Qāherah: Matba'ah al-Misriyah.
- Al-Qur'an al-Karim.
- al-Qurtubi, Abi Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr. (2006). *al-Jami' li ahkam al-Qur'an*, Bayrut: Muassasah Resalah.
- al-Razi, al-Imam Muhammad Fahr al-Din. (1981). *al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar fikr.
- al-Razi, al-Imam Muhammad Fahr al-Din. (1991). *Ahkam al-Sihr wa al-Saharah fī al-Qur'an wa al-Sunnah*. Bayrut: Dar fikr.
- al-Razi, Muhammad Abd Qadir. (1986). *Mukhtar al-Sihah* Bayrut: Maktabah Lubnan.
- al-Sabuni, Muhammad Ali. (1980). *Rawa'i al-Bayan*. Damsyik: Maktabah al-Ghazali.
- Al-Shawkani. Muhammad ibn Ali ibn Muhammad. (1994). *Fath al-Qadir*. Kaherah: Dar al-Wafa'
- Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad. (2001). *Tafsir al-Tabari*. Giza: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasah al-Arabiyyah wa al-Islamiyyah Dar Hadr.
- al-Tirmidhī, al-Imām al-Hāfiẓ Muhammad ibn 'Isā Ibn Sawrah. (1417 H). *Sunan Tirmidhī. Tahqīq*
- Amran Kasimin. (1995). *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin. (2009). *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bali, Wahid Abd al-Salam. (1992). *al-Sarim al-Battar fī al-Tasaddi li al-Saharah al-Ashrar*, Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.
- Bali, Wahid Abd al-Salam. (1998). *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Shaytan*, Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Engku Ansarudin & Mohd Azlee. (2011). *Perang Sihir*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Haron Din. (2011). *Rawatan Penyakit Rohani*. Bandar Baru Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa'.
- Husayn ibn Bakhmāt al-Muraghānī. (1999). *al-Burhan fī al-Istiftā' bi al-Sunnah wa al-Qur'an*. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Athir. Al-Imam Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak. (1963). *al-Nihayah fī Gharib al-Hadith*. Riyad: al-Maktabah as-Islami.

- Ibn Hibbān ibn Ahmad Abī Hātim, al-Imam al-Hāfiẓ Muhammad. (1993). *Sahih Ibn Hibbān. Tahqīq Shu‘ayb al-Arnauti*. Bayrut: Muassasah al-Risālah.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida Ismail ibn Umar. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Kaherah: Dar Taybah.
- Ibn Kathir, Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Giza, Kaherah: Muassasah Qurtubah
- Ibn Majah, al-Imām Abī Abd Allah Muhammad Ibn Yazīd al-Qazwayn. (1998). *Sunan Ibn Mājah*. Tahqīq Bashār Awwād. Bayrut: Dar al-Jayl
- Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammad Ibn Makram. (t.th). *Lisān al-'Arab*, Bayrut: Dār al-Ma‘ārif.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1998). *Zaad al-Ma‘ad*. Bayrut: Muassasah al-Resalah.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. (1984). *al-Mughni*, Bayrut: Dar al-Fikr
- Khader Ahmad. (2012). *Analisis hadith-hadith mengenai Rawatan sihir dalam Kutub al-Sittah*:
- Khader Ahmad. (2012). *Analisis hadith-hadith mengenai Rawatan sihir dalam Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya,
- Khalil bin Ibrahim Amin. (1995). *Al-Tariq al-Hassan fi ḥilaj Amrad al-jan*. Jeddah: Maktabah Sahabat.
- Mahir bin Salih ali Mubarak. Abu Ubaydah. (1995). *Fath al-Mughith fi Sihr wa al-Hasad wa mass iblis*. Riyad: Dar Ulum al-Sunnah li al-Nathr
- Majdi Muhammad al-Shahawi. (2006). *Rawatan Rabbani untuk mangsa sihir dan gangguan syaitan* (terj.) Dr. Basri bin Ibrahim. Johor Bahru: Perusahaan Jahabersa.
- Michael D. Bailey. (2006). The Meanings of Magic. Magic, Ritual, and Witchcraft, Volume 1, Number 1, Summer 2006, pp. 1-23 (Article) University of Pennsylvania Press. DOI: 10.1353/mrw.0.0052.
- Michael G. Peletz. (1988). Poisoning, sorcery and healing rituals in Negeri Sembilan. Bijdragen tot de Taal-, Landen Volkenkunde 144 (1988), No: 1, Leiden, 132-164.
- Muhammad Mahmud Abdullah. (1995). *Safwah al-Bayan fi ḥilaj al-Sihr wa al-Hasd wa Mass al-Shaytan*. Kaherah: Maktabah al-Qudsi.
- Muhammad Masruri. (2017). *Konsep al-Sunnah dalam Rawatan Penyakit*. Jurnal Hadhari. Vol 9 No 1 ISSN 1985-6830. Jun 2017, Bangi: Penerbit UKM
- Muhammad Masruri. (2019). *Rawatan Gangguan Makhluk Halus dan Sihir Menurut Perspektif al-Sunnah*. Bangi: Penerbit UKM. 2019.
- Muhammad Masruri. (2021). Konsep Terapi Nabi SAW sebagai Alternatif dalam Menangani Penyakit Fizikal dan Spiritual, Al-Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences Volume 4, Issue 1, January 2021, 130-149 DOI: 10.46722/hkmh.4.1.21f <https://doi.org/10.46722/hkmh.4.1.21f>
- Musa ibn Muhammad Jabir al-Fifi. (t.th). *Aḥadīth al-Sihr wa al-Ruqyah fi al-Kutub al-Sittah riwayatan wa dirayatan*. Bayrut: al-Jami‘ah al-Alamiyyah al-Amrikiyyah.
- Musa Shahin Lasin. (2002). *Fath al-Mun ‘im Sharh Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Suruq.
- Muslim, al-Imām al-Hāfiẓ Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysābūrī. (2006). *Al-Jāmi‘ al-Sahih*. Riyād: Dar al-Taybah.
- Phillips, Abu Ameenah Bilal. (2007). *The Exorcist Traditional in Islam*. Birmingham: Al-Hidayah Publishing & Distribution Ltd.
- Rashid Layzul (2001), al-Jin wa al-Sihr fi al-Manzur al-Islami, Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Imiyyah.
- Sharhan Safie. (2011). *Perubatan Islam menangkis Jin dan Sihir*. Kuala Lumpur: Sinar Zamdurran
- Smith. (2004). *Magic and Divination in early Islam*. Burlington: Ashage
- Usamah Muhammad al-Awdi. 2004. *al-Manhaj al-Qur'ani li al-Ḥilaj al-Sihr wa al-Massi al-Shaytani* Kaherah: Dar al-Haram li al-Turath.
- Wahid Abd al-Salam Bali. (1997). *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Ins*, Kaherah: Maktabah Tabi'in.
- Wahid Abd Salam Bali. (1992). *al-Sarim al-Battar fi al-Tasaddi li al-saharah al-Ashrar*. Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.